

ban

Mahathir - LIMA

LIMA 93 DIJANGKA LEBIH BERJAYA

LANGKAWI, 25 April (Bernama) -- Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1993 di sini Disember ini dijangka lebih berjaya daripada LIMA 91 berikutan bertambahnya penyertaan syarikat dari dalam dan luar negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, setakat ini 290 buah syarikat mewakili 89 kumpulan "aerospace" dan 10 kumpulan maritim, termasuk dari Afrika Selatan, telah mengesahkan akan menyertai LIMA 93.

Keluasan ruang pameran yang ditempah oleh syarikat peserta juga bertambah kepada 5,900 meter persegi berbanding 3,100 meter persegi bagi LIMA 91, katanya kepada pemberita semasa mengadakan lawatan sehari untuk meninjau persiapan LIMA 93, di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang antara lain melawat tapak pembinaan pusat pameran LIMA dan projek pembesaran kawasan meletak pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat serta projek pembinaan hotel di Teluk Burau dan Gunung Raya, berpuas hati dengan kemajuan projek-projek itu serta persiapan LIMA 93 yang berjalan lancar.

Beliau berkata, masalah kekurangan bilik penginapan yang dihadapi semasa LIMA 91 dijangka dapat diatasi dengan bertambahnya bilangan hotel di Langkawi. -- Lagi

♥25/04/17-22MST

CNS9424

R GB 25-04 00139 BD358

bah

Mahathir - LIMA 2 Langkawi

Menurutnya, kini terdapat sejumlah 4,798 bilik penginapan dan sebanyak 1,915 bilik dikhaskan untuk LIMA 93.

Katanya, walaupun terdapat kekurangan 330 bilik untuk keperluan LIMA 93, beliau yakin masalah itu akan dapat diatasi.

Mengenai kenaikan harga pasir di Langkawi berikutan langkah kerajaan menarik balik lesen beberapa syarikat pengusaha pasir di kawasan Kedawang, berhampiran lapangan terbang di sini kerana bimbang kegiatan itu akan merosakkan struktur tanah di kawasan lapangan terbang itu, beliau berkata, setakat ini kenaikan harga pasir tidak menjejaskan pembangunan di pulau ini.

"Mahallah sikit harga pasir tetapi ia masih sama dengan di Kuala Lumpur...bila dah maju sangat dia jadi macam itulah," katanya.

Menurutnya, kerajaan mengambil tindakan itu kerana para pengusaha berkenaan didapati tidak menimbus semula lubang yang telah digali. -- Lagi

♥25/04/17-25MST

CNS9427

R GB 25-04 00095 BD359

bah

Mahathir - LIMA 3 (Akhir) Langkawi

"Yang penting ialah setelah mereka gali, mereka harus kambus semula dengan bahan lain seperti tanah merah," katanya.

Dalam lawatan itu, Perdana Menteri diiringi oleh Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff, yang juga Pengerusi Bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Pengurus Besar LADA, Haji Abdul Halil Abdul Mutalib.

Beliau yang tiba di sini petang semalam bersama isterinya, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini. -- Bernama.